

Menggunakan Teknik Penyoalan Melalui Portal SLS Bagi Pengajaran Kefahaman Membaca

Rosela Hashim

rosela_hashim@schools.gov.sg

Nuradilah Abdul Wahid

nuradilah_abdul_wahid@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Fengshan

Abstrak

Kesukaran menjawab soalan kefahaman jenis inferens biasanya berpunca daripada kegagalan murid mendapatkan idea utama dalam petikan yang dibaca. Hal ini amat ketara bagi murid praaras kebolehan yang mempunyai cabaran untuk mencungkil idea utama dalam petikan. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) bagi kemahiran kefahaman membaca dengan menggunakan teknik penyoalan (Apa dan Mengapa) untuk membantu murid mengatasi kesulitan tersebut. Pengkaji menggunakan pengajaran eksplisit untuk pembelajaran yang berpandu dan sistematik. Dapatan kajian menunjukkan 79% murid Darjah 4 praaras kebolehan dapat memberikan idea utama yang tepat bagi menjawab soalan kefahaman jenis inferens.

Kata Kunci: templat kolaborasi, SLS, teknik penyoalan, soalan inferens, pengajaran eksplisit, sistematik

PENGENALAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2015, kefahaman merupakan salah satu komponen dalam kertas bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Namun, komponen ini sering menjadi satu hambatan bagi murid praaras kebolehan kerana mereka tidak berupaya mencungkil idea utama dalam petikan yang dibaca. Oleh disebabkan hambatan ini, mereka menghadapi kesukaran menjawab soalan kefahaman jenis inferens dengan baik.

Justeru, penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS telah digunakan bagi kajian ini. Portal SLS merupakan satu portal terkini bagi membantu murid dalam pembinaan kemahiran berfikir, khususnya kemahiran membina pemahaman dan pemaknaan bagi teks yang dibaca. Portal SLS dipercayai dapat melibatkan murid dalam proses pembelajaran secara aktif. Selain itu, teknik penysoalan (Apa dan Mengapa) juga turut diterapkan dalam kajian ini bagi membantu proses pemahaman murid dan meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan inferens.

PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman membaca merupakan salah satu komponen dalam kertas bahasa yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Namun, guru sering mendapati murid praaras kebolehan tidak berupaya memahami teks untuk menjawab soalan jenis inferens. Hal ini berlaku kerana keterbatasan keupayaan murid untuk mengenal pasti dan mencungkil idea utama yang terdapat dalam teks petikan.

Dapatan kajian Butler (2010) menunjukkan bahawa pengajaran kefahaman secara eksplisit dan penggunaan strategi yang pelbagai amat berkesan untuk membangunkan pemahaman murid tentang kandungan teks yang dibaca. Penggunaan arahan secara eksplisit dengan contoh menjurus kepada pengajaran yang berpusatkan murid akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan.



Menurut Yahya Othman (2005) pula dalam bukunya, 'Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu' menyatakan untuk murid mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan bermakna semasa membaca, penggunaan strategi yang sesuai juga dapat memberikan kesan yang baik dalam pemahaman. Coleman (1995) juga bersependapat bahawa dengan menggunakan strategi membaca seperti penggunaan alat berfikir yang sesuai, dapat meningkatkan pemahaman pembaca.

Oleh itu, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan Teknik Penyoalan (Apa dan Mengapa) dalam pengajaran kefahaman membaca. Menerusi teknik penyoalan, aktiviti belajar dapat ditingkatkan dan murid melibatkan diri secara langsung dalam pembelajaran apabila pertanyaan diajukan kepada mereka. Antara kepentingan penggunaan teknik penyoalan ialah kemampuan berfikir murid dapat ditingkatkan dan murid lebih fokus terhadap perkara yang diajarkan. Teknik penyoalan merupakan rangsangan atau dorongan untuk murid terus belajar dengan lebih aktif sehingga hasil pembelajaran dapat dicapai dengan baik.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan teknik penyoalan menggunakan kata tanya Mengapa dan Apa dalam pembelajaran kefahaman membaca; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS bagi mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.

KAJIAN LEPAS

Dapatan kajian oleh Ron Ritchhart (2011) sebagai pengkaji utama dalam *Project Zero*, iaitu kajian yang menggunakan pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas membuktikan bahawa penggunaan rutin berfikir sangat berkesan dalam membantu proses pemikiran murid dan juga menggalakkan murid untuk memproses informasi secara aktif. Selain itu, ia juga dapat



meningkatkan tahap pemikiran dan perluasan idea murid dengan lebih teratur dan berstruktur.

Dapatan kajian Butler (2010) menunjukkan bahawa pengajaran kefahaman secara eksplisit dan penggunaan strategi yang pelbagai, amat berkesan untuk membangunkan pemahaman murid tentang teks yang dibaca. Penggunaan arahan-arahan yang eksplisit dengan contoh-contohan menjurus kepada pengajaran yang berpusatkan murid akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dapatan ini diperkukuhkan lagi oleh pandangan Cox dan Abbott (2004), yang bersependapat bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran secara terancang, berstruktur dan bersesuaian mampu meningkatkan kecekapan serta merangsang minat murid dalam pelajaran. Namun untuk meraih manfaat secara maksimum dan berkesan, guru haruslah bijak menggabungkan pembelajaran dengan strategi pembelajaran yang sesuai.

Selain itu, murid didapati lebih teruja dan mampu melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif sekiranya guru mengintegrasikan penggunaan ICT dalam pembelajaran. Dalam kajiannya, Alyson Simpson (2010) mendapati bahawa terdapat peningkatan dari segi pemikiran kritis apabila murid berinteraksi di portal komuniti pembelajaran dalam talian (*collaborative online learning community*). Antara kelebihan yang sering ditekankan oleh guru ialah penggunaan ICT merangsang dan meningkatkan pelibatan murid dalam pembelajaran. Justeru, wadah SLS digunakan bagi meneliti dan merangsang pelibatan aktif murid dalam proses pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan Teknik Penyoalan Apa dan Mengapa agar murid dapat menjawab soalan kefahaman jenis inferens. Strategi ini membantu murid mencungkil idea utama yang terdapat dalam petikan kefahaman.

Bagi mencapai objektif pengajaran ini, rutin berfikir yang diutarakan oleh Ritchart R., Church M. dan Morrison K. (2011) telah dilaksanakan



sebagai instrumen kajian. Rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya(LFT) tergolong dalam kelompok rutin berfikir untuk menjana idea lebih mendalam.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah pengajaran eksplisit yang dikemukakan oleh Rosenshine (1985) agar pengajaran lebih berstruktur dan sistematik. Pengajaran secara eksplisit ini terdiri daripada lima peringkat iaitu peringkat pengenalan, penerangan, *modelling*, latihan dan penutup.

Guru juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam PdP penulisan ini. Sila rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama Dan Interaksi Penggunaan alat ICT Linoit untuk memupuk kerjasama dan interaktiviti dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang melibatkan pelajar dan bermakna. Guru mengajak murid berbincang berdasarkan kata tanya Mengapa dan Apa dan mencatatkan hasil perbincangan menggunakan Linoit.
	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru melakukan <i>modelling</i> . <i>Modelling</i> boleh merangsang minat murid belajar menerusi penelitian. Guru memberikan contoh bagaimana murid boleh mencungkil idea utama dalam perenggan yang diberikan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan	AM2: Dua langkah MCQ Guru memberikan dua soalan agar murid



	Memberi Maklum Balas	dapat memberi maklum balas tentang pelajaran mereka. Guru menggunakan respons murid untuk menentukan pemahaman murid terhadap pembelajaran.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk membantu murid mendapatkan idea utama yang terdapat dalam teks supaya mudah menjawab soalan inferens. Fokus kajian berpusat pada budaya positif di bilik darjah . Oleh itu, aspek pengajaran mengambil kira aktiviti mengajar dalam PdP yang dapat membantu guru mewujudkan interaksi dan hubungan positif dengan pelajar.	

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Bahasa Melayu Darjah 4 praaras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 11 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran menulis murid dalam menjawab soalan inferens bagi kefahaman membaca.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam (SLS), templat rutin berfikir LFT yang telah diubah suai mengikut keperluan pembelajaran, aplikasi *LinoIt* dan borang refleksi.

Pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS digunakan sebagai instrumen kajian kerana murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penggunaan templat rutin berfikir LFT dalam pengalaman pembelajaran kolaborasi menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam berdasarkan sumber multimedia yang dilampirkan. Aplikasi *LinoIt* yang disertakan dalam pengalaman pembelajaran kolaborasi pula menggalakkan murid bekerjasama dengan lebih berkesan.

Prosedur Kajian

Kajian ini dilakukan selama satu hari dan mengambil masa lebih



kurang dua jam. Pada bahagian induksi pengajaran ini, guru menggunakan klip video untuk melibatkan murid secara aktif bagi menjawab soalan ‘Apa’ dan ‘Mengapa’ dalam templat rutin berfikir LFT yang telah diubahsuaikan. Guru mengubahsuaikan templat rutin berfikir LFT untuk menggalakkan murid berfikir secara bertahap sehingga mereka dapat menjawab soalan yang terarah kepada soalan jenis inferens.

Aktiviti kedua, murid membaca teks petikan mengikut bahagian yang ditetapkan oleh guru. Guru sebagai fasilitator memastikan murid memahami teks petikan yang dibaca dengan menyediakan penerangan bagi kosa kata yang sukar difahami dengan menggunakan *Tooltip* dalam portal SLS. Guru melakukan *Modelling* sebagai langkah pengajaran secara eksplisit sebelum murid membuat aktiviti berkolaborasi menggunakan aplikasi *Linoit*. Penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dan penggunaan *Linoit* membolehkan murid berkolaborasi untuk menyelesaikan tugas dan aktiviti yang disediakan oleh guru. Berdasarkan pengajaran eksplisit, murid berbincang secara berkumpulan menggunakan kata tanya ‘Apa’ dan ‘Mengapa’ mengenai petikan yang telah mereka baca. Murid mencatatkan hasil perbincangan. Kemudian, murid meneliti catatan hasil kumpulan lain.

Seterusnya, murid membaca sekali lagi teks petikan mengikut urutan perenggan secara individu. Murid mengisi tempat kosong berpandukan soalan yang diajukan mengikut perenggan. Guru sebagai fasilitator, meneliti respons murid dan memberi maklum balas bagi menjelaskan salah faham sekiranya ada. Guru juga membuat rumusan berdasarkan respons yang diberikan oleh murid.

Di akhir pengajaran, murid mengimbas kembali pelajaran dan melakukan refleksi tentang pemahaman mereka dan perkara yang mereka pelajari daripada petikan yang dibaca.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS bagi pengajaran kefahaman membaca



dengan menggunakan teknik penyoalan (Apa dan Mengapa) dapat membantu murid mencungkil idea utama yang tepat bagi menjawab soalan inferens. Jadual 1 berikut memperlihatkan jenis soalan-soalan yang diberikan menggunakan rutin berfikir LFT yang harus dijawab oleh murid.

Jadual 1: Soalan-soalan Yang Ditanyakan Menggunakan Rutin Berfikir LFT Semasa Aktiviti Induksi

Lihat	Fikir	Fikirkan dengan lebih mendalam
Apakah yang kakak Haziq cuba lakukan ketika berada di taman?	Mengapakah ibu Haziq berpesan kepada kakaknya supaya tidak menyentuh tumbuhan-tumbuhan di taman itu?	Apakah yang orang ramai boleh lakukan untuk menjaga alam sekitar?
a) Dia cuba menyentuh bunga matahari.	a) Ibu Haziq berpesan kepada kakaknya supaya tidak menyentuh tumbuhan-tumbuhan di taman itu kerana tumbuh-tumbuhan akan layu.	a) Orang ramai boleh membuang sampah ke dalam tong kitar semula.
b) Dia mahu memetik sayur.	b) Ibu Haziq berpesan kepada kakaknya supaya tidak menyentuh tumbuhan-tumbuhan di taman itu kerana tumbuh-tumbuhan akan rosak.	b) Orang ramai boleh menanam pokok bunga di sekeliling rumah.
c) Dia hendak memegang pokok.	c) Ibu Haziq berpesan kepada kakaknya supaya tidak menyentuh tumbuhan-tumbuhan di taman itu kerana tumbuh-tumbuhan akan hilang.	c) Orang ramai boleh menggunakan harta benda awam dengan baik.



Rajah 1 : Respons Murid Menggunakan Platform Linoit

Berikan ringkasan cerita mengenai teks dengan berpandukan Kata Tanya: apa dan mengapa.

Amir dan Jamal bermain Frisbee. Amir melanggar seorang pengunjung. Amir meminta maaf kepada pengunjung itu.

Dia sedar yang dia harus berhati-hati ketika bermain Frisbee.

Teks:
Nenek Amir memanggang sebentar legi-manis pokok kelapa. Hampir semua bahagian pokok kelapa ini boleh digunakan. Rupa-rupanya, dia pun boleh dibuat ketupat. Ainnya pula boleh diminum.

Amir sangat teruja mendengar pemerangan Nenek. Dia tidak menyangka yang pokok kelapa mempunyai banyak kegunaannya. Malah, dia amat gembira kerana berjaya melihat pokok kelapa ketika berjalan jalan tadi.

Ringkasan cerita:
Nenek Amir mengatakan yang hampir semua bahagian pokok kelapa boleh digunakan. Amir teruja mendengar pemerangan neneknya kerana dia tidak menyangka pokok kelapa mempunyai banyak kegunaannya.

Setibanya di sana keluarga Amir dan Jamal pun mencari tempat untuk berteduh.

Rupa-rupanya kerusi lipat untuk datuk dan nenek mereka duduk.

Mari Berkongsi Idea

Highlight New

Amir dan keluarganya pergi ke Kebun Bunga Singapura. Mereka ke sana untuk berkelah.

Jadual 2: Contoh Hasil Jawapan Murid Menggunakan Platform Linoit


Soalan 1	Apakah yang Amir dan keluarganya lakukan di Kebun Bunga Singapura?
Murid 1	Mereka telah berjanji untuk bertemu dengan keluarga Jamal, sepupunya untuk berkelah di sana.
Murid 2	Mereka telah pergi berkelah di sana.
Murid 3	Mereka telah berjanji untuk bertemu keluarga Jamal, sepupunya untuk berkelah di sana.
Murid 4	Mereka pergi berkelah.
Murid 5	Mereka sekeluarga pergi berkelah di sana.

Soalan 2	Mengapakah perkelahan ini bermakna bagi Amir?
Murid 1	Amir mahu merapatkan hubungan kekeluargaannya.
Murid 2	Ia merupakan satu peluang bagi Amir merapatkan hubungan kekeluargaannya.
Murid 3	Amir mendapat peluang untuk merapatkan hubungan kekeluargaannya.
Murid 4	Perkelahan itu bermakna bagi Amir kerana ia merupakan satu peluang bagi Amir untuk merapatkan hubungan kekeluargaannya.

Murid 5	Amir mendapat peluang untuk merapatkan hubungan kekeluarganya.
---------	--

Dapatan kajian ini diperoleh daripada data kualitatif menerusi ujian peperiksaan kertas 2 yang dijalankan pada Semester 1 dan 2. Berdasarkan analisis pencapaian murid yang terdapat dalam Rajah 2, didapati murid mencapai peningkatan dalam bahagian kefahaman subjektif.

Rajah 2: Analisis Data Perbandingan Pemarkahan Komponen Kefahaman SA1 dan SA2



Merujuk pada maklum balas yang diberikan oleh murid, kebanyakan murid memberikan respons yang positif. Semua murid darjah 4 praaras kebolehan memberikan respons sangat boleh dan boleh bahawa mereka dapat mencungkil idea utama dalam petikan dengan baik. Sebanyak 72.2% murid menyatakan mereka dapat belajar secara berkolaborasi dengan menggunakan platform *Linoit*. Bahkan, 90.9% murid memberikan respons bahawa mereka mampu menggunakan teknik penyualan (Apa dan Mengapa) untuk menjawab soalan inferens dengan tepat.

Jadual 3: Dapatan Berdasarkan Maklum Balas Murid

	Sangat Boleh %	Boleh %	Hampir Boleh %	Masih Mencuba %
Saya boleh ...				
1. mencungkil idea utama dalam petikan	72.2 (8)	26.8 (3)	0	0



2. menggunakan teknik penyoalan (Apa dan Mengapa) untuk menjawab soalan inferens	90.9 (10)	9.1 (1)	0	0
3. berkolaborasi dengan anggota kumpulan menggunakan platform <i>Linoit</i>	72.2 (8)	26.8 (3)	0	0
4. menggunakan aplikasi SLS dengan baik	90.9 (10)	9.1 (1)	0	0

Nota : Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.

KESIMPULAN

Pemilihan instrumen dan bahan pengajaran yang efektif dapat membantu murid untuk mengatasi kesulitan dalam pembelajaran. Penggunaan pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS bagi pengajaran kefahaman membaca dengan menggunakan teknik penyoalan (Apa dan Mengapa) mampu memberikan kesan yang positif dalam membantu murid mencungkil idea utama dalam petikan bagi menjawab soalan inferens. Pengalaman pembelajaran kolaborasi dalam SLS dan penggunaan *Linoit* merangsang pembelajaran secara berkolaborasi dan murid meraih manfaat bersama dalam menyelesaikan tugas dan aktiviti pembelajaran dengan berkesan.

Langkah Modeling dalam pengajaran secara eksplisit juga membantu murid memahami konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan berstruktur. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator ketika sesi perbincangan dan soal jawab agar dapat menggalakkan pemikiran yang lebih kritis dalam kalangan murid dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan interaktif di dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Ruhaidah Rahmat
2. Fauziah Muhamad Fadzillah
3. Muhammad Faizal Sumono



RUJUKAN

- Butler (2010). *The Role of Comprehension Strategy Practices in Reading Literacy*. South Africa: University of Pretoria
- Cox, M. J. and Abbott, C. (Eds) (2004), *ICT and Attainment – A Review of the research literature*. Coventry, Becta/London, DfES.
- Othman Yahya (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang: PTS Professional Publishing.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass
- Ron Ritchhart (2015). *Creating Cultures of Thinking*. USA:Wiley Imprint
- Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: PergamonPress
- Simpson, A. (2010). Integration technology with literacy: using teacher-guided collaborative online learning to encourage critical thinking. *Research in Learning Technology*, Vol. 18 (2). Retrieved from : <https://journal.alt.ac.uk/index.php/rlt/article/view/881>

